

1

Lee Min

1

13/8/72

Jilid II
Bil. 1



Hari Selasa
6hb Jun, 1972

LAPORAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA
THIRD LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
Second Session

MESHUARAT YANG PERTAMA
First Meeting

Jilid II
Bil. 1



Hari Selasa
6bb Jun, 1972

LAPORAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA
THIRD LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA
Second Session

MESHUARAT YANG PERTAMA
First Meeting

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT KAPADA SOALAN² [Muka 7]
JAWAPAN² BERTULIS KAPADA SOALAN² MULUT [Muka 42]

PULAU PINANG

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KETIGA

Laporan Persidangan

PENGGAL YANG KEDUA

MESHUARAT YANG PERTAMA

Hari Selasa, 6hb Jun, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 9.30 pagi

HADZIR:

Yang Berhormat Tuan Speaker (Dato' Harun bin Sirat, D.M.P.N.)

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)

Yang Berhormat Penasihat Undang² Negeri (Enche' Abu Talib bin Othman)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Barat (Enche' Teh Ewe Lim)

„ „ Kawasan Tanjong Utara (Enche' Khoo Kay Por)

„ „ Kawasan Tanjong Tengah (Enche' Tan Gim Hwa)

„ „ Kawasan Tanjong Selatan (Enche' Wong Choong Woh)

„ „ Kawasan Sungei Pinang (Enche' S. P. Chelliah)

„ „ Kawasan Bayan Lepas (Enche' Ismail bin Hashim, J.P.)

„ „ Kawasan Butterworth (Enche' Ooi Ah Bee)

„ „ Kawasan Kepala Batas (Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah, A.M.N.)

„ „ Kawasan Bagan Ajam (Enche' Ong Yi How)

„ „ Kawasan Glugor (Enche' D. C. Stewart)

„ „ Kawasan Permatang Pauh (Tuan Haji Mohamad Nor bin Haji Bakar, J.P.)

„ „ Kawasan Dhoby Ghaut (Enche' Khoo Teng Chye)

„ „ Kawasan Nibong Tebal (Enche' Teoh Chung Hor *alias* Teoh Kooi Sneah)

„ „ Kawasan Muda (Tuan Haji Abdul Kadir bin Haji Hassan, P.J.K., J.P.)

„ „ Kawasan Kelawei (Enche' Yeap Ghim Guan)

„ „ Kawasan Tanjong Bungah (Enche' Khoo Soo Giap)

„ „ Kawasan Jelutong (Enche' Koay Boon Seng)

„ „ Kawasan Sungei Bakap (Enche' Veerappen a/k Veerathan)

„ „ Kawasan Ayer Itam (Enche' Tan Phock Kin)

„ „ Kawasan Balik Pulau (Enche' Abdul Rahman bin Haji Yunus)

„ „ Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain)

TIDAK HADZIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Mertajam (Enche' Ooh Chooi Cheng, J.P.)

1. DO'A

2. UCHAPAN TUAN YANG TERUTAMA GABNOR.

Tuan Speaker: Saya suka mema'alumkan kepada Dewan ini bahawa dalam sedikit masa lagi Tuan Yang Terutama Gabnor akan tiba di-Dewan ini untuk melafazkan ucapan kepada Dewan.

(Tuan Speaker di-dahului oleh Setia-usaha Dewan Undangan menuju ka-pintu bilek Dewan untuk menyambut Tuan Yang Terutama Gabnor dan Toh Puan Sharifah Fatimah).

(Tuan Yang Terutama dan Toh Puan Sharifah Fatimah di-iringi oleh Juru² Iring memasuki bilek Dewan, di-dahului oleh Tuan Speaker dan Setia-usaha Dewan Undangan. Para hadirin berdiri dan tundok sambil Tuan Yang Terutama dan Toh Puan Sharifah Fatimah berjalan menuju tempat duduk).

Setia-usaha Dewan: Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menyerahkan surat ucapan kepada Tuan Yang Terutama Gabnor. Uchapan Tuan Yang Terutama Gabnor.

Tuan Yang Terutama Gabnor: Upacara yang menandakan Meshuarat Pertama bagi Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga ini sungguh-lah bersejarah bagi Negeri ini. Di-meshuarat ini nanti Kerajaan Negeri akan mengemukakan undang² baru yang bertujuan untuk memberikan kekuatan dan tenaga yang lebih untuk ranchangan² yang telah di-usahkan oleh Negeri ini untuk membentok sa-mu'a dan memperluaskan bidang ekonomi Negeri, dan dengan itu untuk dapat memperbaiki keadaan hidup ra'ayat kita. Perbincangan dan keputusan² yang akan di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat akan menentukan bahawa ranchangan² sosial dan ekonomi, yang telah di-lancarkan dalam tahun tujuh puluhan akan terus membawa kemajuan Negeri kita ka-dalam tahun lapan puluhan.

Kembali-nya sa-mula demokerasi berparlimen dan keadaan keamanan dan kesetabilan, ia-lah bukti bahawa

pemimpin² politik dan ra'ayat Negeri ini sudah matang. Ia-nya juga menunjukkan keazaman Kerajaan Negeri untuk mengekalkan dan meneruskan institusi demokerasi yang berperlembagaan di-dalam Negeri ini. Dasar kita yang menggalakkan muhibbah dan perpaduan Negara, telah dengan jayanya membawa kemajuan sa-chara aman di-dalam Negeri ini. Ini ada-lah satu pertanda yang baik untuk masa hadapan, tetapi kita perlu terus berusaha. Kita mesti-lah sentiasa berjaga² dan berwaspada terhadap puak² anti-kebangsaan di-kalangan kita, yang menchuba mengkhianati ra'ayat dengan menimbulkan keadaan huruhara dan ketegangan di-dalam masyarakat kita. Semua ra'ayat yang setia mesti-lah bersatu padu di-dalam usaha kita menjamin keamanan, kesetabilan dan keselamatan Negeri dan Negara.

Ahli² Yang Berhormat mungkin ingat bahawa di-Meshuarat Pertama dalam Penggal Pertama, saya telah menitek-beratkan peri mustahak-nya peranan Ahli² Yang Berhormat Dewan ini dalam memberikan bimbingan untuk mengekalkan kemajuan, muhibbah dan persefahaman. Saya sangat-lah bangga untuk melihat bahawa Ahli² Yang Berhormat telah mengikut nasihat saya dan saya ingin menguchapkan tahniah kepada tuan², di-atas contoh yang tuan² telah berikan kepada ra'ayat. Saya yakin bahawa di-tahun² yang akan datang, tuan² akan terus memainkan peranan tuan² sa-bagai Wakil Ra'ayat yang di-pilih di-dalam semangat dedikasi yang sama.

Ranchangan² sosial dan ekonomi yang telah di-laksanakan oleh Kerajaan telah mula membangunkan ekonomi Negeri kita. Ini ada-lah jelas dari kejayaan perlaksanaan Kawasan² Perdagangan Bebas, dan tertubuh-nya kilang² di-Kawasan² Perusahaan dengan banyak-nya, terutama sekali perusahaan elektronik di-dalam Negeri kita ini. Ranchangan² ini telah di-majukan dengan teliti sejak Pilehanraya dalam bulan Mei, 1969 apabila semua usaha telah di-jalankan untuk mengkaji dan meneliti masalah² ekonomi dan sosial yang terdapat di-dalam Negeri

ini. Strategi bagi pembangunan Negeri ada-lah bertujuan untuk membetulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang supaya ia-nya boleh menjamin bahawa semua ra'ayat kita, tidak kira keturunan bangsa atau darjat akan mempunyai peluang yang sama untuk mendapat chara hidup yang adil dan saksama di-dalam sa-buah masyarakat Malaysia yang bersatu padu.

Di-dalam rancangan ini, Kerajaan telah mengkaji janji² Pilihanraya-nya memandang kepada kebolehan ekonomi dan tekanan² yang terdapat di-dalam pentadbiran Negeri. Pada masa itu, Perunding² Master Plan sedang menjalankan kajian mereka, dan keutamaan janji² Pilihanraya tersebut hendak-lah di-kaji sa-mula berdasarkan perakuan² Kajian Master Plan. Sa-lepas kajian yang mendalam, garis² rancangan kemajuan telah di-buat dan tindakan² di-ambil untuk melancarkan projek itu dengan serta merta.

Untuk menjamin bahawa projek² pembangunan ini di-laksanakan dengan jaya-nya, satu kajian yang sama mengenai keperluan² pentadbiran telah di-buat. Bentuk chara pentadbiran telah di-kaji sa-mula; dan kajian ini meliputi bukan sahaja pentadbiran Negeri dan Pihak² Berkuasa Tempatan, tetapi juga mengenai perlunya menubuhkan sa-buah agensi Pembangunan Negeri yang berkesan. Dengan ini tugas² Pejabat Tanah telah di-perbetulkan; usaha² di-jalankan untuk membentok sa-mula jentera pentadbiran Negeri; Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di-tubuhkan; asas² bagi penubuhan Lembaga Ayer Negeri di-adakan, dan satu kajian bagi membentok sa-mula pentadbiran Pihak² Berkuasa Tempatan telah di-buat. Semua usaha² pembaharuan ini telah di-jalankan supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan yang baik bagi ra'ayat kita. Sumber² kewangan bagi membiayai projek² pembangunan Negeri telah di-kaji sa-mula dan sa-lepas mengadakan perundingan dengan Majlis Tanah Negara, sewa tanah telah di-samakan dengan lain² negeri di-Malaysia Barat.

Di-dalam masa ini juga Kerajaan telah berusaha dengan sa-penoh²-nya untuk menubuhkan Jawatan-kuasa Muhibbah di-seluruh Negeri untuk menjamin kesetabilan masyarakat kita. Melalui Jawatan-kuasa Muhibbah ini, semangat muhibbah, harmoni dan keamanan telah di-sampaikan kepada semua ra'ayat di-dalam Negeri ini. Jawatan-kuasa² ini merupakan satu daripada alat perhubungan dengan ra'ayat dan sa-bagai badan untuk mengembangkan dan mengekalkan perpaduan masyarakat di-dalam Negeri ini. Jawatan-kuasa Muhibbah ini juga bertugas untuk menyelaraskan aktiviti² kebudayaan ra'ayat kita. Usaha² untuk menubuhkan identiti kebangsaan melalui saling hormat-menghormati, penghargaan dan persefahaman mengenai kebudayaan² berasingan, yang ada di-dalam Negeri ini telah berakhir dengan peresmian pembukaan Dewan Sri Pinang sa-bagai Pusat Kebudayaan Negeri ini. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua ra'ayat kita yang telah mengambil peranan aktif di-dalam Jawatan-kuasa Muhibbah. Saya berharap tuan² akan terus menjalankan kerja² tuan² yang baik itu.

Sambil melaksanakan berbagai² rancangan ini, bagi faedah dan kemudahan ra'ayat di-dalam Negeri, Kerajaan juga sa-chara beransor² telah membena saloran² perhubungan dengan Kerajaan Pusat, melalui perundingan² dan perbincangan². Dengan ini persefahaman yang rapat telah di-tubuhkan di-antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Apabila kesetabilan dan keamanan terdapat sa-mula, demokerasi berparlimen telah di-kembalikan. Usaha² ini menunjukkan bahawa bentuk pemikiran politik di-Peringkat Persekutuan dan Negeri sedang menjalani penukaran² yang terbesar. Penukaran² ini mensharatkan bahawa usaha² membena perpaduan negara dan pengenalan kebangsaan mesti-lah mengatasi segala² kepentingan parti² politik. Kegiatan² pihak anti-kebangsaan memerlukan supaya sa-tiap ra'ayat Malaysia mencheborkan diri dengan sa-penoh-nya di-dalam perjuangan untuk mempertahankan Negara. Mengenai perkara² penting yang me-

libatkan keamanan, keselamatan dan kesetabilan Negara, hanya satu sahaja prinsip yang di-hadapi oleh ra'ayat kita—ia-nya sama ada untuk Negara atau pun bertentangan dengan-nya.

Dasar ekonomi baru dengan objektif menubuhkan satu Negara Malaysia yang adil, saksama dan bersatupadu, telah di-lancarkan berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Ini merupakan satu chabaran yang kuat terhadap parti² politik di-dalam Negeri ini. Masaalah yang di-hadapi oleh Kerajaan Negeri, terutama sa-kali apabila ia-nya terdiri dari sa-buah parti politik yang membangkang, ada-lah jelas; harus-kah Kerajaan Negeri sa-bagai parti politik membangkang menguatkan perbalahan antara Persekutuan dan Negeri atau pun harus-kah ia menghilangkan perbezaan² ini sambil menentukan prinsip politik-nya sendiri? Kerajaan telah memikirkan bahawa kepentingan ra'ayat di-dalam Negeri dan kepentingan Negara mesti-lah di-beri keutamaan dari perkara² yang hanya melibatkan parti² politik. Dasar untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat ini membolehkan pembentokan Kerajaan Champoran di-Negeri Pulau Pinang.

Pembentokan Kerajaan Champoran ini ada-lah satu hasrat yang ikhlas bahawa perkara² politik telah di-ketepikan bagi mengukuhkan perpaduan Negara dan untuk menguatkan keselamatan dan kesetabilan yang di-perlukan bagi menjalankan pembangunan ekonomi bagi faedah semua ra'ayat di-dalam Negeri. Ia bererti juga bahawa pemimpin² politik yang benar² dan bertanggung-jawab telah sedar bahawa kerjasama yang rapat akan dapat memberi sumbangan terhadap kemajuan ekonomi dan kesetabilan Negara. Ia-nya juga bererti bahawa objektif untuk berkhidmat bagi kepentingan ra'ayat ada-lah yang terpenting sa-kali.

Objektif Kerajaan untuk berkhidmat bagi kepentingan ra'ayat ada-lah menentukan pembangunan ekonomi yang akan menubuhkan satu masyarakat yang adil, saksama dan bersatu padu dengan peluang hidup yang sama bagi semua ra'ayat kita tanpa kira keturunan bangsa atau kaum. Kerajaan ada-lah

bertujuan untuk mengadakan lebih banyak lagi peluang² pekerjaan dan untuk memajukan pembangunan ekonomi di-kawasan luar bandar melalui ranchangan memodenkan dan membawa indasteri² ka-kawasan luar bandar.

Usaha² ekonomi yang penting sekali ia-lah untuk mempercepatkan usaha² pembangunan indasteri di-dalam Negeri. Akan tetapi, pelaksanaan ranchangan² ini hendak-lah di-selaraskan dengan ranchangan² kebangsaan seperti yang termaktub di-dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Kerajaan telah menitik-beratkan usaha² memajukan perusahaan yang memerlukan buroh yang banyak dan berchorak ekspot dan perkara ini-lah yang telah mendorong penubohan Kawasan² Perdagangan Bebas di-dalam Negeri ini. Kawasan Perdagangan Bebas di-Bayan Lepas sekarang sedang berjalan dengan lancar dan dalam masa yang singkat Kawasan Perdagangan Bebas di-Perai dan di-Pulau Jerejak akan di-rasmikan. Kawasan² Perdagangan Bebas ini sedang di-perluaskan oleh kerana kawasan² ini telah menarik banyak pengusaha². Penanaman modal seperti ini ada-lah selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan indasteri dan untuk menyediakan lebih banyak lagi peluang² pekerjaan bagi ra'ayat. Kawasan Perdagangan Bebas ini akan juga menolong pembangunan perdagangan kita terutama sekali mengenai dagangan entrepot dengan Indonesia. Pembangunan ekonomi yang di-dorongkan oleh penubohan Kawasan² Perdagangan Bebas ini, akan menolong usaha² pembangunan ekonomi Malaysia sechara 'am-nya.

Usaha² juga telah di-buat untuk memajukan dan membangunkan pelanchongan. Pulau Pinang mempunyai kemudahan² yang terbaik untuk menarik pelanchong² dan dengan kejayaan Bengkel PATA dalam bulan Januari, 1972 di-sini ada-lah bukti hasrat Kerajaan untuk memajukan pelanchongan sebagai satu sektor yang penting di-dalam Negeri. Pada masa sekarang pun sudah terdapat beberapa buah hotel² yang sedang di-bena di-pantai² kita atau pun pembenaan-nya sedang di-ranchangkan.

Di-dalam bidang agro-horticulture, Kerajaan terus memberikan sokongan saintifik, teknologi dan galakkan yang perlu. Saya gembira mengetahui bahawa dalam tiga tahun yang lepas, kawasan yang di-tanam dengan padi telah bertambah sa-hingga 40,600 ekar dan dari angka ini 95% telah pun di-tanam dua musim. Padi yang di-dapati ada-lah melebihi keperluan Negeri dan banyak di-hantar ka-lain bahagian di-dalam Negeri ini. Ranchangan² bagi membena satu kompleks chendawan telah pun maju dengan memuaskan dan ada-lah di-jangkakan kompleks ini akan mula bergerak pada tahun hadapan. Usaha² untuk memajukan kualiti dan jumlah bilangan buah²an, okid dan lada hitam telah bertambah untuk memenuhi keperluan² di-dalam sektor ekonomi ini.

Di-dalam bidang ternakan, ranchangan sedang di-laksanakan untuk menempatkan pembiakan babi dan untuk menambahkan pengeluaran ayam itek. Chara² terbaharu mengenai menempatkan pembiakan babi akan menolong menghapuskan aspek² indasteri ini yang akan menimbulkan ketegangan sensitif di-kalangan masyarakat kita. Kemajuan di-dalam ternakan ayam dan itek telah pun di-kekalkan dan maseh merupakan sumber pendapatan luar yang terbesar bagi ra'ayat² kita di-luar bandar. Perusahaan perikanan telah terus berkembang dan saya suka menyatakan bahawa Instituit Latehan Perikanan di-Batu Maung, sekarang sedang melateh penuntut² mengenai perikanan di-lautan dalam. Ranchangan² bagi sa-buah kompleks perikanan di-sekitar Instituit ini telah pun sampai ka-peringkat yang terakhir dan ranchangan² ini akan di-laksanakan dalam tahun² 1973-1974.

Kerajaan telah menjalankan ranchangan² yang terbesar untuk menghadapi masaalah banjir di-beberapa bahagian Negeri, terutama sekali ranchangan mengatasi banjir untuk mengalah aliran muara Sungai Jelutong dan juga untuk menyalorkan Sungai Glugor. Ranchangan² ini apabila siap akan mengurangkan masaalah banjir di-kawasan² Caunter Hall dan Green Garden dan juga di-Brown Garden. Kerajaan juga sedang bekerja rapat

dengan Kerajaan Pusat dalam kajian² untuk melanjutkan landasan di-Lapangan Terbang Bayan Lepas untuk membena jambatan untuk menghubungi tanah besar dengan Pulau Pinang bagi mengadakan jalan² baru untuk kawasan luar bandar dan juga kawasan² bandar yang baru termasuk juga satu jalan ka-Kawasan Bukit Bendera, dan lebeh lanjut lagi untuk pengambilan lebeh banyak tanah melalui ranchangan tali-ayer dan juga pengambilan tanah yang pada masa sekarang ini di-bawah laut. Lebeh² lagi, Kerajaan ada-lah sentiasa berhubung rapat dengan agensi² Persekutuan seperti FIDA., MARA., PERNAS., MIDF., dan UDA mengenai memajukan projek² khas yang telah di-perkenalkan oleh Kongres Ekonomi Bumiputra.

Kebanyakan daripada usaha² meranchang, menyatukan dan melaksanakan projek² kemajuan Negeri yang berkaitan dengan Ranchangan Malaysia Kedua telah di-jalankan oleh Jawatan-kuasa Tindakan Negeri, yang mengambil alih tugas² Jawatan-kuasa Kemajuan Perusahaan Negeri dan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Sechara terbesar, kerja² Pegawai² Kerajaan dan Pasokan Keselamatan telah pun menjadi seperti sedia-kala dengan kembali-nya demokrasi berparlimen. Ini ada-lah seperti yang sepatut-nya berlaku bahawa Perkhidmatan 'Awam dan juga Pasokan Keselamatan harus bekerja tanpa publisiti di-bawah pentadbiran yang di-pilih. Walau bagaimana pun, saya ingin menyatakan penghargaan kami di-atas kerja baik yang telah di-jalankan oleh pegawai² Kerjaan ini. Kerja² mereka telah juga di-mudahkan dengan ada-nya persefahaman dan pimpinan dinamik Kerajaan di-bawah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Kerja ini telah pun di-arahkan terhadap kepentingan ra'ayat dan banyak orang yang tidak menghargai bahawa pegawai² kita telah bekerja lebeh dari apa yang di-perlukan oleh tugas² mereka yang biasa untuk melaksanakan ranchangan² pembangunan di-dalam Negeri Pulau Pinang.

Apabila usaha² pembangunan sosial-ekonomik di-jalankan dengan lebeh lancar lagi, sudah tentu-lah terdapat

sedikit sebanyak perubahan di-dalam chorak penghidupan ra'ayat kita, terutama sekali mereka yang telah terlibat dalam usaha² menempatkan samula setingan² untuk membolehkan pembangunan di-jalankan. Saya sungguh bersukachita melihat bahawa ra'ayat Pulau Pinang telah menghadapi penarikan ini sechara biasa dan telah menyambut-nya dengan semangat yang baik untuk bekerjasama dengan Kerajaan. Ra'ayat, terutama sekali belia² Negeri ini; telah mencheborkan diri mereka di-dalam projek² yang di-lancharkan oleh Kerajaan. Peranan yang semakin luas oleh ra'ayat kita di-dalam pertubohan² perkhidmatan, dalam ranchangan² gotong-royong dan di-dalam kempen² membasmi kekotoran ada-lah chontoh yang terbaik mengenai kerjasama ra'ayat dengan Kerajaan. Kesemua aktiviti ini ada-lah pertanda yang baik untuk Negeri kita dan kesemua-nya membawa kebaikan kepada ra'ayat saperti yang boleh dilihat daripada keadaan kebersahan dan kechantekan semua tempat² di-dalam Negeri, pembangunan sa-buah Taman Belia, dan apa yang lebeh penting lagi semangat muhibbah dan perasaan berbaik-baik dan harmoni di-dalam Pulau Pinang. Saya ucapkan tahniah kepada ra'ayat Pulau Pinang kerana sambutan baik mereka terhadap chabaran² yang menghadapi Negeri kita. Saya mengesakan ra'ayat Negeri ini, untuk meneruskan kerjasama mereka dengan Kerajaan. Hanya-lah melalui kerjasama yang rapat di-antara ra'ayat dan Kerajaan, bahawa kita boleh meletakkan sechara kuat asas pembangunan ekonomi sekarang dalam tahun tujuh puluhan dan berasaskan-nya kita akan dapat menentukan kemajuan sosial Negeri Pulau Pinang di-dalam tahun lapan puluhan.

Tuan Speaker: Patek pohonkan izin untuk beruchap kepada para hadirin sekalian. Ahli² Yang Berhormat dan para hadirin sekalian, Tuan Yang Terutama Gabnor akan berangkat keluar sedikit masa lagi. Salepas itu Dewan akan di-sambong samula.

(Tuan Yang Terutama Gabnor dan Toh Puan Sharifah Fatimah di-iringi oleh Juru² Iring keluar dari bilek Dewan, di-dahului oleh Tuan Speaker

dan Setia-usaha Dewan Undangan. Tuan Speaker di-dahului oleh Setia-usaha Dewan Undangan kembali ka-bilek Dewan).

3. PENGUMUMAN OLEH TUAN SPEAKER.

Ahli² Yang Berhormat, saya ingin membuat dua pengumuman. Pertama, mengikut satu ketetapan yang di-luluskan oleh Dewan Undangan pada 28hb Jun, 1968 saya telah memberikan kebenaran chuti kepada Yang Berhormat Enche' Ooh Chooi Cheng, Timbalan Ketua Menteri dari meng-hadziri persidangan² meshuarat ini.

Kedua, di-sini saya ingin mema'alumkan kepada Ahli² Yang Berhormat bahawa Dr M. P. L. Yegappen, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri telah meninggal dunia pada 13hb April, 1972. Menurut amalan Dewan ini, saya minta para hadirin sekalian berdiri serta bertafakur selama sa-minit sebagai tanda hormat, kepada mendiang.

(Dewan berdiri dan bertafakur selama sa-minit sebagai tanda hormat kepada mendiang Dr M. P. L. Yegappen).

4. MEMBENTANGKAN RISA-LAH².

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon membentangkan di-atas meja Dewan kertas² Bilangan 1 hingga 6 dan Bilangan 8 tahun 1972 saperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Meshuarat.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Enche' Ismail bin Hashim): Tuan Speaker, bagi pehak Jawatan-kuasa Kira² 'Awam, saya mohon membentangkan di-atas meja Dewan Kertas Bilangan 7 tahun 1972 saperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Meshuarat.

Tuan Speaker: Meshuarat di-tang-gohkan sehingga pukul 2.30 petang ini. Ahli² Yang Berhormat dan para jemputan di-jemput menikmati jamuan ringan di-Dewan Bangunan ini. Sa-lepas jamuan ringan, satu gambar dengan Tuan Yang Terutama Gabnor dan Ahli² Yang Berhormat akan di-ambil di-hadapan Dewan ini.

Dewan di-tangguhkan pada jam 10.35 pagi.

Dewan bersidang sa-mula pada jam 2.30 petang.

5. (A) JAWAPAN² MULUT KA-PADA SOALAN².

(I) Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ma'alumkan kepada Dewan ini, berapa kali-kah pehak Kerajaan Negeri telah semak dan periksa kilang² yang banyak di-dalam Negeri ini untuk menentukan sama-ada syarat mengambil pekerja² telah pehak kilang² laksanakan dengan mengambil 25% pekerja² Melayu, sila beri tarikh² kepada penyemakan dan pemereksaan tersebut.
- (1. Can the Chief Minister inform the House how many times the State Government has checked on and inspected the many factories in the State to ascertain whether the condition of 25% Malay employment is being complied with, giving the dates of such inspections).

Ketua Menteri: Yang Di-Pertua Kerajaan Negeri tidak menjalankan pemereksaan ka-atas kilang² di-Negeri ini, sebab tugas ini biasa-nya di-jalankan oleh Bahagian Perusahaan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Ma'alumat² yang di-kumpul oleh Jabatan ini ada-lah di-sampaikan kepada Kerajaan Negeri dari sa-masa ka-semasa. Di-samping itu, Kerajaan Negeri menerusi ejensi pembangunannya, sentiasa menegaskan kepada pelabur² supaya chuba mematohi syarat² yang di-nyatakan oleh pehak Kementerian.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Soalan tambahan Dato' Yang Di-Pertua. Dalam maklumat yang di-beri kepada Kerajaan Negeri, ada-kah semua majikan atau factory mematohi syarat² 25% Melayu ini.

Ketua Menteri: Tuan Yang Di-Pertua, tadi saya telah jawab sunggoh pun perkara ini bersangkut dengan Bahagian Perusahaan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Tasek

Glugor sunggoh pun satu ahli di-dalam Dewan Ra'ayat saya ingat jika beliau hendak tahu lagi detail² kami bolehlah berbangkit soalan di-dalam Dewan Ra'ayat. Tetapi apa yang Kerajaan Negeri dapat tahu ada-lah di-jumlahkan pekerja² di-dalam kilang² di-dalam perusahaan² baru ada mengikut syarat² 25% yang orang Melayu bekerja di-dalam kilang². Tetapi detail² itu di-dalam satu kilang ada berapa orang yang Kerajaan dapati nama di-pejabat, itu detail Tuan Yang Di-Pertua, saya ingat itu soalan yang lain.

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Enche' V. Veerappen): Yang Di-Pertua, soalan tambahan dengan izin, in view of the fact that the Chief Minister has said that the State Government does not conduct any inspection to any factories to ascertain whether the conditions are complied with and in view of the fact that alienation of State land for factories are granted only under certain conditions—whether it is a condition that 25% of the Malay employment must be there is one of the conditions of such alienation.

Ketua Menteri: Dengan izin, Yang Di-Pertua, although I would say that that is a slightly different question, the answer to the long question of course is "yes".

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Soalan tambahan Dato' Yang Di-Pertua. Baru² ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada menjawab kata-nya maklumat², detail², yang saya sebagai ahli Parlimen boleh dapat tahu daripada Kementerian yang bersangkut, tetapi sa-tengah ahli² di-dalam dewan ini yang bukan Ahli Parlimen. Boleh-kah Kerajaan memberikan butir² dan detail² pada semua ahli.

Ketua Menteri: Yang Di-Pertua perkara ini Kerajaan boleh timbang.

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Enche' V. Veerappen): Yang Di-Pertua, soalan tambahan dengan izin, since the Chief Minister has stated that it is one of the conditions of alienation of State lands for factories and so forth, would he inform this House how he would ensure that there is compliance by this

practice of the conditions of alienation if the State does not inspect these factories.

Ketua Menteri: Yang Di-Pertua, dengan izin, I do not know whether the Honourable Member for Sungai Bakap is following my reply to the Honourable Member for Tasek Glugor—although I did indicate that the general report received from the Ministry of Trade and Industry does show that the objective of the State while 25% of the employment be of Malays it has been indicated by the report.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Soalan No. 2.

2. Ada-kah pihak Kerajaan Negeri pada tahun hadapan menurunkan 50% daripada hasil² tanah selain daripada menunggu akhir tahun bagi perkhidmatan di-Pejabat untuk pelaksanaan tersebut, kerana walau bagaimana pun pihak yang bergabong (Perikatan) tidak mempunyai kesulitan biayaan bagi rancangan² dan lain² perbelanjaan.
- (2. Will the State Government from next year remit 50% of the land rents instead of waiting for the last year in office to do so; after all the other partner (i.e. the Alliance) will have no difficulty in financing projects, etc.)

Ketua Menteri: Yang Di-Pertua soal pengurangan sewa tanah ada-lah tera'alok kepada kajian semula tahunan mengikut undang². Pendapat² yang di-beri di-dalam soalan ini tidak mematuikan sa-barang jawapan lanjut sebab itu sahaja di-tunjokkan fikiran sendiri dari Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Tasek Glugor.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Enche' V. Veerappen): Yang Di-Pertua, soalan tambahan dengan izin, will the Chief Minister inform this House what was the necessity for such late announcement regarding the waiver of notice fee which was made some time towards the end of May which have resulted in a great deal of confusion in many land offices, which have not only collected notice fee but had also imposed fines for late payment of \$5.00 for every lot of land. Couldn't the State Government make up its mind earlier than the last day of the month to do so?

Ketua Menteri: Yang Di-Pertua, dengan izin, that is a totally different question.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Soalan tambahan Dato' Yang Di-Pertua. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada menjawab soalan saya mengatakan keturunan ia-lah mengikut undang². Maksud saya di-sini untuk keterangan kepada Yang Amat Berhormat ia-lah "REVISION" bukan mengikut tunggu 15 tahun sekali. Kalau Yang Amat Berhormat teliti persoalan saya, saya punya maksud ia-lah Parti Perikatan yang boleh membiayai perbelanjaan projek² pembangunan, masalah wang bukan masalah-nya. Jadi boleh-kah Kerajaan menurunkan dengan segera, itu maksud saya.

Ketua Menteri: Tuan Yang Di-Pertua, itu pun satu soalan yang lain, jika saya terpaksa menjawab apa yang soalan di-bangkit dari Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Tasek Glugor ia-lah ada-kah pihak Kerajaan Negeri pada tahun hadapan menurunkan 50% daripada hasil² tanah sa-lain daripada menunggu akhir tahun bagi perkhidmatan di-pejabat untuk pelaksanaan tersebut. Tuan Yang Di-Pertua, saya fikir tadi apa yang saya sudah jawab sudah chukop.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Soalan No. 3.

3. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menerangkan kepada Dewan ini apa-kah kerja² bagi dua badan ini ia-itu Majlis Penyelarasan dan Majlis Perundingan dan daripada mana-kah dasar itu berasal, dan adakah dua badan tersebut yang luar dari per'adatan dan perlembagaan men-champori kertas² Ex. Co.
- (3. Will the Chief Minister inform the House what are the functions of the Co-ordinating Council and the Consultative Council, and from where does the policy originate. Do members of these 2 councils (which are not legally or constitutionally-constituted bodies) have access to Ex. Co. Papers.)

Ketua Menteri: Tuan Yang Di-Pertua, Majlis Penyelarasan atau Co-ordinating Council merupakan satu forum bagi mengadakan perundingan²

mengenai hal² polisi yang sedang ditimbangkan oleh Kerajaan Negeri dan di-mana² yang perlu bagi menyelaraskan-nya dengan polisi² Kerajaan Pusat. Jawatan-kuasa Perunding atau Consultative Committee ada-lah sa-buah Jawatan-kuasa bagi menasihatkan Ketua Menteri mengenai hal² yang mungkin berkait dengan segala pertubohan² politik di-dalam Pertubohan Kerajaan Champoran. Ahli² Jawatan-kuasa Perundangan dan Majlis Penye-larasan tidak dapat lihat kertas² Majlis Meshuarat Kerajaan.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Enche' Tan Phock Kin): Soalan tambahan Tuan Speaker dengan izin, will the Honourable the Chief Minister enlighten this House as to whether these two Committees constitute part of the machinery of Government. According to the answer given it appears to me that it is going to be a Co-ordinating Committee, Co-ordinating activities with the Central Government and also the Advisory Committee—it gives me the appearance that this is part of the machinery of the Government. If it is so, kindly enlighten this House as to what provisions of the Constitution provides for the establishment of such a Committee. I have been looking through the Constitution of the State of Penang and I can't find any provision whatsoever for the establishment of a Co-ordinating Committee to co-ordinate activities between the State Government and the Federal Government, neither can I find any provision in the State Constitution providing for an advisory body to advise the Government in this country and the Honourable the Chief Minister has stated quite categorically in this House that this is precisely the functions of these two Committees. So in the light of that, will the Chief Minister also enlighten the House that—is he now departing from the principle of the Rukunegara in upholding the rule of law which is stated quite categorically. We in this country, in the State, we support the Rukunegara, we uphold the rule of law; where is the rule of law (gangguan).

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat bagi state-

ment-kah atau soalan? Soalan tambahan Ahli Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Enche' Tan Phock Kin): This is part of my question.

Soalan tambahan dan keterangan sebab jikalau saya tidak beri keterangan, Ketua Menteri tidak boleh faham soalan saya, sebab itu mustahak-lah kita mesti mahu beri sedikit keterangan. Sebab itu bila habis, saya ingat soalan kita ada terang dan saya harap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri boleh beri jawapan.

Ketua Menteri: Tuan Yang Di-Pertua dengan izin, the supplementary question which is raised by the Honourable Member from Ayer Itam is in actual fact a substantive question raised by him as stated down in the Order Paper and if the Honourable Member doesn't wish to delay question time it will come to his question at the proper time instead of making a long speech to show (gangguan).

Ahli Kawasan Ayer Itam (Enche' Tan Phock Kin): I would rather withdraw my question if it is so and have the answer now.

Ketua Menteri: Mr Speaker Sir, if that is his prerogative when the time comes for me to ask question but it clearly indicates that the Honourable Member has only got one part and seeing that he has asked a question now he jumps up to ask this question, elaborates on it, makes a speech, brings in the Rukunegara, shows how studious he is, burns the mid-night oil, studying the law, reads up the Constitution, upholds the principle of law—as a matter of fact the answer is a very simple one; and seeing that he is withdrawing this question when it comes the answer is the Co-ordinating Council—neither the Co-ordinating Council nor the Consultative Council constitutes part of the machinery of the Government and therefore his search naturally in the wrong place must give a negative result.

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Enche' V. Veerappen): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan dengan izin, in view of the fact that the Minister of Finance has

reportedly stated that certain decisions have been taken, and by the State Government in particular, since it is the Chief Minister who would be implementing them, would he inform this House whether the State Government of Penang is answerable to this House or to the Finance Minister of this country or the President of the M.C.A.

Ketua Menteri: Tuan Yang di-Pertua, that is a completely separate question. I am not answerable for (gangguan).

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Enche' V. Veerappen): Whether the Chief Minister will confirm that he is reported to have said he himself has reported to have said that these two Committees are not enough, that is the Consultative Committee and the Coordinating Committee, to implement to carry the State Government forward and that you will have to have another Committee to do so. Will he confirm or deny this statement?

Ketua Menteri: Tuan Yang di-Pertua, that is a completely separate question, but I can deny it, because the Honourable Member has added so many things in, which obviously was not what was stated; and it was not obviously what was reported. It may have been what the Honourable Member thought was reported; and therefore I must deny it—his quotation or his actual allegation.

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Enche' V. Veerappen): Would the Chief Minister then please clarify what he actually said to the Press?

Ketua Menteri: Tuan Yang di-Pertua, that is why I said it is a totally different question. We are going on and on and on and far, further and further away, from the original question.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Enche' Tan Phock Kin): Mr Speaker, Sir, dengan izin. As the Chief Minister admits that the two Committees are not part of the machinery of the Government, it is obvious that it is not part of the machinery of the Government to utilize such Committee for

advising the Government. It would be contrary to the provisions of the Constitution. So in that light, if he is so persistent that the Government cannot carry on unless with the assistance of these two Committees, will he consider amending the relevant law to provide for this?

Ketua Menteri: Tuan Yang di-Pertua, I do not think that is a relevant question at all.

Ahli Kawasan Kelawei (Enche' Yeap Ghim Guan): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, dengan izin.

In view of the answer given by the Honourable the Chief Minister, will he now clarify to this House under what circumstances State officers, like the State Development Officer and the Principal Assistant State Secretary (Economics), were able to brief members of the State Coalition Coordinating Council and the Consultative Committee at meetings held at the Bangunan. How can an inter-party Committee, or body, have the right to summon Government officers to appear before it? Can the Honourable the Chief Minister explain to this House and to the State of Penang how this state of affairs is allowed?

Ketua Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Quite frankly, I do not think that is a question which arises from this particular question. However, if the Honourable Member wishes to take it up further in the debate we can answer him.

Ahli Kawasan Kelawei (Enche' Yeap Ghim Guan): Well, if the Honourable the Chief Minister is unable to give a reply, will he not concede that this is highly unconstitutional? And, as the Chief Minister of Penang, this is a highly irresponsible action on the part of the Honourable the Chief Minister because this goes towards subverting the Constitution of the State. If the legally constituted bodies of this State are superseded by this so-called Coordinating and Consultative Council, then the Honourable the Chief Minister is being hypocritical in his upholding the Constitution.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat bagi statement bukan soalan.

Ahli Kawasan Kelawei (Enche' Yeap Ghim Guan): Soalan sudah bagi, tetapi kalau Ketua Menteri tidak berani jawab tidak apa-lah.

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Enche' V. Veerappen): Tuan Yang Di-Pertua, dengan izin.

In view of the fact that the Chief Minister as usual is evasive and rather shy to answer questions which are embarrassing may be, although it is our duty to elucidate facts from him, we would like you, Mr Speaker, to give a ruling on this. It is not for the Chief Minister in this House to say it is another question—it is for the Chair to declare whether the question is relevant or not relevant; whether it is a Supplementary Question or not. And, therefore, we take nothing from him, except from you. You have to declare, Mr Speaker, whether our question my question is that whether he declared, stated in the papers, that there is to be a new Committee to co-ordinate the work of the Coalition Government in Penang. He has to answer the question. If Mr Speaker should say that it is against Standing Orders or it is not a Supplementary Question then I accept your ruling.

Tuan Speaker: Saya bagi ruling dibawah Peratoran 25 (3).

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Enche' V. Veerappen): Dengan izin, boleh-kah saya bacha 25 (3)?

"Notwithstanding anything hereafter contained, any Member to whom a question is addressed may, with the approval of the Speaker, refuse to answer such question"; and only on one ground "on the ground of public interest". It is in the interest of the public for him to answer this question, not to refuse to answer this question and there is no leave or approval from you yet, Mr Speaker.

Ahli Kawasan Kelawei (Enche' Yeap Ghim Guan): Mr Speaker, Sir, dengan kebenaran. Is the Chief Minister

claiming public interest in this? Before he can make a ruling, the Chief Minister must himself claim public interest that he cannot answer.

Tuan Speaker: Itu perkara saya sudah bagi ruling, saya tidak benarkan debate perkara itu.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Enche' Tan Phock Kin): May I get a clarification from you, Tuan Speaker? We are not asking for a debate, we are asking a question, so we expect to get an answer; unless there is a claim by the person to whom the question is directed to, that it is a matter of public interest. So it is for him to say "I cannot answer" or "I require notice". That's all he need do. To refuse to answer is contempt of the House, I think. So I appeal to you, Mr Speaker, to direct the person to whom this question is directed to give an answer. I mean he is quite at liberty to say "I require notice". He is quite at liberty to say "I do not know the answer". That is all he has got to do. To say that we cannot ask this question is contrary to all the Standing Orders and I think it will be contrary to the whole spirit of the legislature and of this Assembly. So I strongly appeal to you, Mr Speaker, to request the person to answer.

Ketua Menteri: Tuan Yang Di-Pertua, there has been no question, but I think the Honourable Members are directing you to make a ruling whether my answer to the Honourable Member for Sungei Bakap was (gang-guan).

Ahli Kawasan Kelawei (Enche' Yeap Ghim Guan): Lack of answer.

Ketua Menteri: Which stated mainly that his question is a completely different question which does not arise either from the original question or from the reply to the question or to reply to the supplementary question thereof. And that is why I do not choose to waste the time of this House. Similarly, the Honourable Member from Kelawei as usual waxes rich thinking that he is the only brainstorm in this place, but I had said very

clearly that his question was not a direct question or a supplementary question in connection with the particular question No. 3. If, however, the Honourable Member wishes to debate this matter, he will have ample opportunity during the course of the debate we will answer him, but not as a supplementary question, because this is not a supplementary question to the original question.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Soalan 4.

4. Boleh-kah Y.A.B. Ketua Menteri menerangkan kepada Dewan ini sama-ada Kerajaan Pusat telah berjanji bahawa lapangan terbang Bayan Lepas itu hendak di-perbesarkan serta di-perkemas untuk membolehkan Jet Jumbo mendarat di-ketika majlis persidangan PATA, jika benar, mengapa sa-hingga sekarang tidak sa-chubit pun di-laksanakan, bolehkah pehak Kerajaan membuat desakan kepada rakan bergabong-nya untuk segerakan penyelenggaraan tersebut.
- (4. Will the Chief Minister inform the House whether the Federal Government had promised that the Bayan Lepas runway would have been extended and straightened to cater for the Jumbo Jets before the PATA Conference? If this is so, why is it that up to this now, nothing has been done to this end? Could the State Government ask its partner to hurry up with this extension?)

Ketua Menteri: Tuan Yang Di-Pertua, Kerajaan Pusat tidak memberi sa-barang janji kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa landasan Lapangan Terbang Bayan Lepas akan di-perbesarkan dan di-perkemas untuk membolehkan Jet Jumbo mendarat sa-belum Persidangan PATA. Untuk menjawab bahagian kedua untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat dari Tasek Glugor, soal pembersihan Lapangan Terbang Bayan Lepas sedang di-kaji dengan giat-nya oleh sa-buah Jawatan-kuasa Khas yang terdiri daripada pegawai² Persekutuan dan Pegawai² Negeri. Kerajaan Negeri telah di-beritahu bahawa Pakar² Perunding yang di-lantek oleh Kerajaan Pusat bagi mengkaji Pembangunan Lapangan Terbang di-seluruh negeri baharu sahaja mengemukakan laporan-nya kepada Kerajaan Persekutuan dan laporan itu maseh di-dalam pertimbangan.

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Enche' V. Veerappen): Dato' Yang Di-Pertua, soalan tambahan, dengan izin.

Will the Chief Minister confirm whether he made a statement to the press recently that the Airport or the runway when completed would be able to take in jumbo jets?

Ketua Menteri: Tuan Yang Di-Pertua. I do not know what report or what papers the Honourable Member refers to.

Ahli Kawasan Sungei Bakap (Enche' V. Veerappen): Does it mean, Mr Speaker, Sir, that he is denying that there was such statement by him or attributed to him in the papers?

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Soalan tambahan, Dato' Yang Di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri beritahu kepada Dewan ini berapa lama-kah lapangan kapal terbang di-Bayan Lepas boleh di-gunai oleh Boeing 747 kapal terbang jet, sa-chara anggap.

Ketua Menteri: Tuan Yang Di-Pertua, masa sekarang Kerajaan Negeri tidak boleh jawab soalan itu sebab perkara ini satu perkara bersangkut dengan Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Kelawei (Enche' Yeap Ghim Guan): Tuan Yang Di-Pertua soalan tambahan, dengan izin.

In view of the fact that there is this Co-ordinating Council and the Consultative Council, is the Honourable the Chief Minister by his answer just now admitting that there is not so much consultation and co-ordination afterall between the Federal and the State Government even over such a simple thing like runways?

Ketua Menteri: Tuan Yang Di-Pertua, dengan izin. I think that is a totally separate question.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Soalan 5.

5. Boleh-kah Kerajaan Negeri memberi melaraiikan peruntukan kepada pekerja² yang telah pehak Kerajaan Negeri ambil bekerja di-Majlis Bandaran Georgetown, Majlis² Luar Bandar

dan lain² jabatan, bagi peruntukan kepada kaum, berapa-kah orang² Melayu, China, India dan lain² sejak 1hb Jun, 1969 sa-hingga 31hb Mach, 1972?

- (5. Can the Chief Minister give a breakdown of the total number of people employed irrespective of ranks, grades and office, by the State Government and its adjuncts, the City Council and the other 4 RDC, in racial proportions, i.e. how many Malays, how many Chinese, how many Indians, from 1st June 1969 to 31st March, 1972?)

Ketua Menteri: Tuan Yang Di-Pertua, soalan dari Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Tasek Glugor tanya Kerajaan kepada pekerja² yang telah pehak Kerajaan Negeri ambil bekerja di-Majlis Bandar Raya Georgetown. Majlis² Daerah Luar Bandar dan lain jabatan. Sunggoh pun Tuan Yang Di-Pertua sekarang saya boleh jawab, ini satu statement yang panjang sa-kali. Boleh-kah Yang Berhormat terima jika statement ini saya bagi di-dalam soalan tulis? Kalau tidak kita buang masa, kalau saya bacha sa-rupa dari tahun 1969 Jun, dalam Kerajaan Negeri Melayu 1,787—ini memakan masa.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Baik-lah Tuan Yang Di-Pertua, saya pun tidak suka menghilangkan masa di-sini—boleh diberikan sa-bagai soalan menulis.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Dato' Yang Di-Pertua, Soalan No. 6.

6. Ada-kah Kerajaan Negeri hendak membuat pengambilan dan kemajuan kepada tanah di-pinggir kali sa-belah Tanjong Tokong, jika tidak, boleh-kah Kerajaan Negeri memberi peluang galakkan kepada pengusaha² syndicate kebangsaan tempatan membuat demikian?

- (6. Is the State Government going to reclaim and develop the riverside off Tanjong Tokong and if not, will the State Government encourage national syndicates to do so?)

Ketua Menteri: Tuan Yang Di-Pertua, jika soalan ini bersangkutan dengan lunggok pasir di-Tanjong Tokong, ini soalan terangkan dari Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Tasek Glugor?

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Itu benar, Dato' Yang Di-Pertua.

Ketua Menteri: Jika di-sebabkan itu, pasir di-Tanjong Tokong maka jawapan-nya ia-lah Kerajaan sedang menyiasat kemungkinan menambun dan memajukan keseluruhan susoran pantai di-kawasan ini.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Tuan Yang Di-Pertua, boleh-kah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menjamin di-sini manakala pinggir² atau tempatan pasir di-Tanjong Tokong itu di-majukan, Sharikat² Kebangsaan atau Sharikat² Bumiputra di-galakkan mengambil bekerja bersama².

Ketua Menteri: Tuan Yang Di-Pertua, ini saya tidak boleh jawab.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Dato' Yang Di-Pertua, Soalan No. 7.

7. Boleh-kah Kerajaan Negeri memohon kepada Kerajaan Pusat agar wakil² siasah bagi pehak Kerajaan Negeri bersama di-Pesurohanjaya Pelabohan Pulau Pinang?
- (7. Will the State Government request the Federal Government to have State Government political representatives on the P.P.C?)

Ketua Menteri: Tuan Yang Di-Pertua masa sekarang Setiausaha Kerajaan ia-lah satu wakil Kerajaan di-dalam P.P.C. Ini ada-lah berikut daripada permintaan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat bagi mengadakan satu orang wakil di-dalam P.P.C. atau Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang. Sebab mengikut soalan dari Yang Berhormat ahli dari kawasan Tasek Glugor, siasah bagi pehak Kerajaan Negeri bersama atau wakil² siasah bagi pehak Kerajaan Negeri itu jika ada bersangkutan dengan perkara² politik saya ingat tidak perlu sebab Setiausaha Kerajaan ia-lah boleh mewakili Kerajaan Negeri di-dalam P.P.C.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Enche' Mustapha bin Hussain): Dato' Yang Di-Pertua, soalan tambahan. Maksud saya dalam soalan itu ia-lah Ahli² siasah atau ahli² politik yang di-lantek

oleh ra'ayat Pulau Pinang patut jadi ahli di-dalam P.P.C. Saya tidak ada sentoh apa² peribadi Setiausaha tetapi saya fikir lagi baik kalau Kerajaan boleh mendesak Kerajaan Pusat supaya ahli² siasah menjadi ahli di-sana. Bolehkah Kerajaan mendesak Kerajaan Pusat?

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak menganggapnya berfaedah bagi membawa politik ka-dalam Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Kelawei (Enche' Yeap Ghim Guan): Soalan tambahan, dengan kebenaran: In view of the stand taken by the Honourable the Chief Minister and his friends, during the elections, about representation in the P.P.C., will the Honourable the Chief Minister tell us whether the present representation is satisfactory, and whether the State Government really has an effective voice in the P.P.C. that is situated in the State of Penang?

Ketua Menteri: Tuan Yang Dipertua, dengan izin: My reply to the Member for Tasek Glugor indicated that it was through the State Government's representations to the Central Government that the P.P.C. now includes a representative from the State Government. And it must be because the State Government had made representations to the Central Government for representation in the P.P.C. That must reflect the general feelings which the Honourable Member for Kelawei referred to during the period of the elections.

Ahli Kawasan Kelawei (Enche' Yeap Ghim Guan): The question is: Is the Honourable the Chief Minister satisfied with the present representation: And further: What was the nature of the State Government's demand for representation?

Ketua Menteri: Actually the State Government will always want more representation. But in all this kind of things there has got to be a reasonable approach to the subject. And we all have to abide by the method of

approval. Certain members have got terms of office to complete under their own appointments. And the State Government under the present circumstances feels the accommodation of the State Government, as requested before the representation in the P.P.C., indicates that the Central Government will accommodate the State. If the Central Government can further accommodate the State, I think the State will be happy.

